TENAGA NASIONAL
Better. Brighter.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | KLHC, THT gagal menyengat | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 27 Aug 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 1,270,667 | Readership | 3,812,000 |
| Section | Arena | Page No | 95 |
| ArticleSize | 146 cm² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 17,255 | | |
| | | | |



# KLHC, THT gagal menyengat

**Kuala Lumpur:** Hari malang. Itu yang berlaku kepada dua pasukan pilihan, Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) dan Terengganu Hockey Team (THT) apabila masing-masing sekadar meraih satu mata pada perlawanan ketiga Liga Premier semalam.

KLHC yang di depan seawal minit ke-3 menerusi jaringan pemain import dari Korea Selatan Nam Hyunwoo, gagal memanfaatkan kelebihan itu ketika bertemu Universiti Kuala Lumpur (UniKL) selepas lawan meraih gol penyamaan menerusi pukulan sudut penalti Muhammad Toseeq Muhammad Arshad minit ke-51 untuk menjadikan kedudukan seri 1-1.

"Apa yang saya boleh katakan semua pemain mempamerkan semangat juang tinggi apabila turun hari ini.

"Sudah tentu keputusan itu positif. Bagi saya satu mata dimenangi hari ini bonus untuk kami," kata ketua jurulatih UniKL Arul Selvaraj.

THT pula hampir dikejutkan barisan pemain muda TNB sebelum mencatat keputusan seri 4-4.

"Setiap pemain mengikut strategi dirancang. Seperti saya katakan sebelum ini, kami bukan kejar kemenangan," kata ketua jurulatih TNB Muhamad Amin Rahim.

> **FAKTA**
> Pemain import KLHC dari Korea Selatan Nam Hyunwoo menjaringkan gol pada minit ketiga

Powered by: iSENTIA

| Headline | KLHC, THT gagal menyengat | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 27 Aug 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 1,270,667 | Readership | 3,812,000 |
| Section | Arena | Page No | 95 |
| ArticleSize | 146 cm² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 17,255 | | |
| | | | |



*PEMAIN KLHC Muhammad Rashid Baharom (tengah) diasak dua pemain UNIKL pada aksi Liga Perdana TNB.*